



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62
No. 10

9hb Mei 2019

TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN

K. P.U. 7.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT KECANTIKAN DAN PUSAT PENJAGAAN
KESIHATAN (PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2019

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Larangan mengendalikan pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan tanpa lesen

Undang-undang kecil

4. Permohonan lesen
5. Dokumen atau maklumat tambahan
6. Pemberian atau keengganan memberikan lesen
7. Lesen tidak boleh dipindah milik
8. Syarat lesen
9. Pematuhan syarat lesen
10. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
11. Pembaharuan lesen
12. Penggantungan atau pembatalan lesen
13. Tarikh berkuat kuasa pembatalan lesen
14. Penyerahan balik lesen
15. Ketidaklayakan
16. Daftar lesen
17. Lesen gantian

BAHAGIAN III

PEKERJA

18. Daftar pekerja dan pelanggan
19. Pakaian seragam
20. Keselamatan pekerja
21. Kemudahan pekerja
22. Pemeriksaan kesihatan

BAHAGIAN IV

OBLIGASI PEMEGANG LESEN

23. Larangan
24. Kehendak keselamatan

Undang-undang kecil

25. Manual rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan
26. Papan tanda
27. Rawatan dan bayaran rawatan hendaklah dipamerkan
28. Bilik rawatan
29. Pengudaran dan pencahayaan
30. Peralatan mencegah kebakaran, tangga, jalan keluar dan pintu
31. Tandas, bilik basuh, bilik air, dsb.
32. Bekalan air
33. Keperluan kebersihan
34. Penyimpanan
35. Pembuangan sampah
36. Pencegahan kebakaran
37. Bahan mudah bakar
38. Penyebaran habuk, dsb.
39. Bunyi bising
40. Penyenggaraan dan pembaikan am

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

41. Kuasa untuk masuk dan memeriksa
42. Kuasa menangkap
43. Pemeriksaan orang perempuan

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

44. Pendakwaan
45. Pengkompaunan kesalahan

Undang-undang kecil

46. Penalti

47. Pembatalan dan peruntukan kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT KECANTIKAN DAN PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-Undang Kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Pusat Penjagaan Kesihatan (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2019**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi semua kawasan pihak berkuasa tempatan di Negeri Kedah Darul Aman.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“dadah” termasuklah apa-apa bahan, produk atau artikel bertujuan untuk digunakan atau yang boleh, atau berupa atau dituntut untuk digunakan di atas manusia atau mana-mana binatang, sama ada secara dalaman atau luaran, untuk tujuan perubatan di bawah Akta Jualan Dadah 1952 [*Akta 368*];

“dandan rambut” termasuklah gunting rambut, kerinting rambut, mewarna rambut, mencukur, mensyampu dan operasi lain yang serupa yang biasanya dilakukan oleh seorang pendandan rambut sama ada secara manual, menggunakan alat elektrik atau menggunakan apa-apa serbuk, krim atau larutan atau apa-apa gabungan kaedah itu;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar dan termasuklah Timbalan Datuk Bandar;

“hiburan” hendaklah mempunyai makna yang sama di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1997 [*Bil 2/1998*];

“kacau ganggu” ertinya sesuatu perbuatan, peninggalan atau benda yang berlaku atau mungkin menyebabkan kecederaan, gangguan, kesalahan, kerosakan, bahaya atau kecacatan kepada deria penglihatan, bau atau pendengaran atau yang mana atau mungkin memudaratkan atau berbahaya kepada kesihatan atau harta atau yang menjejaskan keselamatan atau hak penduduk umumnya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

“katil” termasuklah kerusi panjang atau kerusi sandar;

“kosmetik” ertinya apa-apa bahan atau sediaan yang digunakan atau boleh digunakan untuk merawat atau menjaga kulit muka, kulit, rambut, gigi, kuku atau mana-mana bahagian badan dan termasuk kelengkapan dandanan diri;

“lesen” ertinya apa-apa lesen, permit atau kebenaran yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“Majlis” ertinya Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim;

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua;

“pelanggan” ertinya orang yang mendapatkan rawatan di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan;

“penduduk” ertinya orang yang menduduki premis yang mengenainya perkataan itu digunakan atau berkuasa menjaga, mengurus atau mengawalinya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen seorang lain tetapi tidak termasuk seseorang penumpang di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

“pusat kecantikan” ertinya mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan rawatan kecantikan atau dandanan rambut tetapi tidak termasuk hospital atau klinik di mana pesakit dirawat di bawah pengawasan pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*], rumah sakit, rumah orang tua atau rumah untuk pemulihan atau mana-mana establimen lain yang sama dengannya. Jenis rawatan adalah seperti Jadual Kedua;

“pusat penjagaan kesihatan” ertinya mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan urutan badan, rawatan atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan. Jenis rawatan adalah seperti Jadual Ketiga;

“rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan” ertinya apa-apa rawatan yang menggunakan kosmetik atau rawatan herba, terapi hidro pada badan atau mana-mana bahagian badan, muka atau rambut untuk merawat atau memulihkan kulit muka atau badan, melangsingkan badan, urutan muka, dandanan rambut, rawatan kuku tangan dan kaki tetapi tidak termasuk pembedahan plastik;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha kepada Majlis; dan

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

BAHAGIAN II

PELESENAN

Larangan mengendalikan pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan tanpa lesen

3. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan sesuatu pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Mana-mana orang yang mengendalikan suatu pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan tanpa lesen adalah melakukan satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Permohonan lesen

4. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan atau memperbaharui lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa pengeluaran atau pembaharuan lesen.

(3) Mana-mana pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak oleh Majlis.

(4) Apabila permohonan itu diluluskan, Majlis hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada—

(a) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua dan Ketiga; dan

(b) apa-apa syarat atau sekatan yang boleh dinyatakan di dalamnya.

(5) Lesen tersebut hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(6) Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa dari suatu tempoh yang tidak kurang dari dua belas bulan dari tarikh kuat kuasa dan hendaklah diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

Dokumen atau maklumat tambahan

5. (1) Majlis boleh, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan untuk suatu lesen di bawah undang-undang kecil 4, meminta pemohon secara bertulis, untuk memberi kepada Majlis dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu, apa-apa dokumen atau maklumat tambahan berhubung dengan permohonan itu.

(2) Jika pemohon tidak memberikan dokumen atau maklumat tambahan yang diminta di bawah perenggan (1) dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa lanjutan masa yang diberikan oleh Majlis, pemohon itu hendaklah disifatkan telah menarik balik permohonan itu.

(3) Walau apapun perenggan (2), pemohon boleh membuat permohonan baharu.

Pemberian atau keengganan memberikan lesen

6. (1) Majlis boleh, selepas menimbangkan permohonan untuk suatu lesen di bawah undang-undang kecil 4, memberikan lesen atau tidak memberikan lesen.

(2) Majlis hendaklah, dengan secepat yang praktik, memaklumkan pemohon secara bertulis tentang keputusan Majlis untuk memberikan lesen atau tidak memberikan lesen.

(3) Notis bertulis oleh Majlis di bawah perenggan (2) hendaklah menyatakan—

(a) jika lesen diberikan, hakikat mengenai pemberian itu, syarat lesen dan fi yang kena dibayar oleh pemegang lesen; dan

(b) jika pemberian suatu lesen ditolak, hakikat penolakan itu dan alasan bagi penolakan itu.

Lesen tidak boleh dipindah milik

7. (1) Pemegang lesen tidak boleh memindah milik lesennya kepada mana-mana orang lain.

(2) Pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagiannya kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Syarat lesen

8. Majlis boleh mengenakan syarat bagi lesen yang boleh termasuk perkara yang berikut:

(a) jenis rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan yang disediakan oleh pemegang lesen; dan

- (b) sekatan dalam menyediakan rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan oleh pemegang lesen.

Pematuhan syarat lesen

9. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat lesen yang dikenakan oleh Majlis.

(2) Pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat lesen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagiannya kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

10. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di tempat yang mudah dilihat di dalam pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan yang dilesenkan dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Seseorang pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesennya di bawah perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan bolehlah dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud peruntukan ini, suatu rujukan kepada "lesen" hendaklah termasuk suatu salinan yang disahkan oleh Majlis sebagai suatu salinan sah lesen.

Pembaharuan lesen

11. (1) Majlis boleh membaharui lesen itu atau enggan membaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusan itu.

(2) Majlis boleh menghendaki pemohon untuk membuat bayaran seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama kepada Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

Penggantungan atau pembatalan lesen

12. (1) Majlis boleh menggantung atau membatalkan sesuatu lesen jika—

- (a) pemegang lesen telah melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini;
- (b) pemegang lesen telah melanggar mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas lesen itu;

-
- (c) pemegang lesen telah memberikan dokumen yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat atau deklarasasi palsu kepada Majlis;
 - (d) pemegang lesen telah menyediakan apa-apa rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan yang memudaratkan orang awam;
 - (e) pemegang lesen tidak mengendalikan pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan selama enam bulan berturut-turut atau telah memberhentikan operasi pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan itu;
 - (f) suatu perintah penggulungan telah dibuat terhadap pemegang lesen atau suatu penggulungan sukarela telah diluluskan;
 - (g) pemegang lesen telah disabitkan atas suatu kesalahan rasuah, fraud atau pecah amanah berhubung dengan pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan yang dijalankannya;
 - (h) pemegang lesen telah mendapatkan lesen itu secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang;
 - (i) pemegang lesen telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini;
 - (j) seorang penerima, penerima dan pengurus, penyelesai sementara atau pegawai seumpamanya telah dilantik bagi keseluruhan atau sebahagian besar daripada aset pemegang lesen dan pelantikan itu tidak dibatalkan atau diumumkan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan itu; atau
 - (k) telah berlaku apa-apa perbuatan atau keingkaran pada pihak pemegang lesen atau telah terdapat perubahan hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen itu tidak lagi berhak untuk diberi lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Sebelum Majlis membuat keputusan di bawah perenggan (1), Majlis hendaklah memberi pemegang lesen itu—

- (a) suatu notis bertulis mengenai niatnya untuk menggantung atau membatalkan lesen itu; dan
- (b) suatu peluang untuk membuat suatu representasi dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu.

(3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Majlis hendaklah, selepas menimbang representasi yang dibuat oleh pemegang lesen itu di bawah perenggan (2), jika ada, memutuskan sama ada untuk menggantung lesen itu bagi suatu tempoh tidak melebihi satu bulan atau untuk membatalkan lesen itu.

(4) Majlis hendaklah memberi pemegang lesen itu suatu notis bertulis mengenai keputusannya di bawah perenggan (3) dengan secepat yang praktik.

(5) Jika suatu lesen digantung di bawah perenggan (3), Majlis boleh menghendaki pemegang lesen untuk meremedikan kemungkiran atau pelanggaran itu sebagaimana yang didapatinya perlu untuk berbuat demikian.

(6) Jika Majlis berpuas hati bahawa pemegang lesen tidak meremedikan kemungkiran atau pelanggaran itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan (5), atau kemungkiran atau pelanggaran itu berterusan selepas lesen itu digantung di bawah perenggan (3), Majlis hendaklah membatalkan lesen itu.

(7) Pemegang lesen yang lesennya—

(a) digantung atau dibatalkan tidak berhak kepada apa-apa pampasan bagi kerugian yang dialaminya kerana penggantungan atau pembatalan lesen itu; dan

(b) dibatalkan tidak berhak kepada apa-apa bayaran balik fi lesen yang telah dibayarnya.

Tarikh berkuat kuasa pembatalan lesen

13. Pembatalan suatu lesen di bawah undang-undang kecil 12 berkuat kuasa—

(a) pada tarikh yang dinyatakan oleh Majlis dalam notis bertulis yang diberikan di bawah perenggan 12(4); atau

(b) jika tiada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang diberikan di bawah perenggan 12(4), apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis itu disampaikan kepada pemegang lesen.

Penyerahan balik lesen

14. (1) Pemegang lesen boleh, melalui notis secara bertulis, menyerahkan balik lesennya dengan menghantar lesen itu kepada Majlis.

(2) Penyerahan balik lesen itu hendaklah berkuat kuasa tiga puluh hari dari tarikh Majlis menerima lesen dan notis bertulis itu di bawah perenggan (1).

(3) Penyerahan balik lesen di bawah perenggan (1) tidak boleh ditarik balik melainkan jika Majlis, melalui notis secara bertulis kepada pemegang lesen itu, membenarkan penyerahan balik itu ditarik balik sebelum tarikh penyerahan balik lesen itu berkuat kuasa.

Ketidaklayakan

15. Tiada lesen boleh dikeluarkan—

(a) kepada pemohon di bawah umur dua puluh satu tahun;

- (b) kepada pemohon yang berdasarkan rekod Majlis, merupakan pemegang lesen yang lesennya telah dibatalkan disebabkan kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau telah melanggar mana-mana syarat atau sekatan lesen;
- (c) bagi mana-mana premis, yang pada pendapat Majlis tidak sesuai untuk menjalankan suatu pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan; dan
- (d) sekiranya pemohon gagal memberikan aku janji bahawa orang yang berkecualan sahaja akan diambil bekerja.

Daftar lesen

16. (1) Majlis hendaklah menyenggara suatu daftar lesen yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang mengandungi—

- (a) nama dan alamat pemegang lesen; dan
- (b) apa-apa butiran lain yang didapati perlu oleh Majlis.

(2) Mana-mana orang boleh, atas permohonan secara bertulis kepada Majlis dan setelah fi yang ditentukan oleh Majlis dibayar, diberikan suatu salinan atau cabutan daripada sesuatu catatan dalam daftar itu.

(3) Suatu salinan atau cabutan daripada sesuatu catatan dalam daftar itu yang diperakui oleh Majlis hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, diterima dalam keterangan sebagai bukti catatan yang dinyatakan dalam daftar itu.

Lesen gantian

17. Jika suatu lesen hilang, cacat atau rosak, Majlis boleh memberi suatu lesen gantian setelah pemegang lesen membuat pembayaran fi seperti ditetapkan dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN III

PEKERJA

Daftar pekerja dan pelanggan

18. (1) Pemegang lesen hendaklah mengadakan suatu daftar pekerja tempatan dan asing dan hendaklah mengemukakan daftar itu untuk pemeriksaan apabila dikehendaki oleh Majlis.

(2) Pemegang lesen hendaklah apabila menggaji seseorang pekerja, menyerahkan butiran pekerja seperti yang dinyatakan di bawah perenggan (4) kepada Majlis dan memaklumkan kepada Majlis tentang apa-apa pertukaran butiran pekerja ataupun pertukaran pekerja.

(3) Pemegang lesen hendaklah mengadakan suatu daftar pelanggan dan hendaklah mengemukakan daftar itu untuk pemeriksaan apabila dikehendaki oleh Majlis.

(4) Daftar itu hendaklah mengandungi perkara-perkara yang ditetapkan oleh Majlis.

Pakaian seragam

19. Pemegang lesen hendaklah menyediakan pakaian seragam yang ditetapkan oleh Majlis kepada pekerjaannya dan memastikan semua pekerjaannya memakai pakaian seragam pada setiap masa di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan.

Keselamatan pekerja

20. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan bagi pekerjaannya mengikut cara yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa lantai dan tangga di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan—

(a) rata, dalam keadaan yang baik, tidak licin dan tidak berbahaya; dan

(b) bebas daripada apa-apa lubang akibat pemasangan penutup, saluran air atau conduit yang tidak sempurna dan bebas daripada paku yang menonjol, injap atau paip yang terbuka atau apa-apa halangan yang lain.

(3) Pemegang lesen hendaklah menyediakan kotak perubatan kecemasan yang mencukupi di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan dan hendaklah diletak di tempat yang sesuai yang ditentukan oleh Majlis.

(4) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa peralatan, pakaian atau apa-apa barang milik pekerja pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan disimpan di dalam almari berkunci atau di ruangan yang ditentukan oleh Majlis.

(5) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan tidak terlalu sesak sehingga boleh menyebabkan kecederaan atau membahayakan kesihatan pekerja.

Kemudahan pekerja

21. Majlis boleh menghendaki pemegang lesen untuk menyediakan suatu bilik sembahyang, bilik istirehat, pantri, kantin, bilik salin pakaian dan almari berkunci atau apa-apa kemudahan lain di pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan secara berasingan untuk pekerja lelaki dan perempuan.

Pemeriksaan kesihatan

22. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pekerjaanya menjalani pemeriksaan kesihatan yang ditentukan oleh pegawai perubatan sekurang-kurangnya sekali setahun.

(2) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini—

- (a) “pemeriksaan kesihatan” termasuklah pemeriksaan berkenaan dengan penyakit berjangkit atau merebak; dan
- (b) “pegawai perubatan” ertinya seorang pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*].

BAHAGIAN IV

OBLIGASI PEMEGANG LESEN

Larangan

23. (1) Tiada pemegang lesen boleh—

- (a) membenarkan mana-mana orang yang diketahuinya atau disyakinnya dengan munasabah menghidap sesuatu penyakit berjangkit atau penyakit boleh merebak memasuki pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan;
- (b) mengambil bekerja mana-mana orang yang diketahuinya atau dipercayainya dengan munasabah menghidap sesuatu penyakit berjangkit atau boleh merebak;
- (c) membenarkan mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai mempunyai karakter yang jahat berada di dalam pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan;
- (d) mengambil bekerja mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai ialah seorang pelacur atau seorang yang berkelakuan buruk;
- (e) mengambil bekerja mana-mana orang di bawah umur lapan belas tahun;
- (f) mengadakan atau membenarkan apa-apa perjudian, penggunaan dadah berbahaya, pelacuran atau apa-apa perbuatan yang menyebabkan kacau ganggu, gangguan, kecederaan atau bising kepada penduduk di kawasan persekitaran pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan;
- (g) membenarkan apa-apa minuman memabukkan dihidangkan atau digunakan di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan;

-
- (h) menayangkan atau mempamerkan apa-apa gambar, majalah, lekapan dan artikel berunsur lucah di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan;
 - (i) menyediakan di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan, apa-apa rawatan yang tidak dinyatakan dalam lesen yang sah;
 - (j) membenarkan apa-apa binatang peliharaan memasuki atau berada di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan;
 - (k) mengadakan apa-apa hiburan di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (l) mengunci pintu masuk ke pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan semasa waktu operasi termasuk pintu bilik rawatan sewaktu rawatan dijalankan;
 - (m) melakukan apa-apa perbuatan atau aktiviti tidak bermoral, atau membenarkan mana-mana pekerja melakukan apa-apa perbuatan atau aktiviti tidak bermoral di dalam pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan;
 - (n) menggunakan apa-apa produk kesihatan dan kecantikan yang tidak didaftarkan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 [P.U (A) 223/1984];
 - (o) menjalankan pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan di tempat yang tidak dilesenkan;
 - (p) mengadakan apa-apa perjudian, minuman keras, dadah merbahaya atau aktiviti tidak sopan atau membenarkan apa-apa perjudian, minuman keras, penggunaan dadah merbahaya, kelakuan tidak bermoral atau aktiviti tidak sopan di dalam pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan; atau
 - (q) berpakaian tidak sopan atau membenarkan mana-mana pekerja berpakaian tidak sopan di dalam pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan.

(2) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini, dadah merbahaya hendaklah mempunyai erti yang sama di bawah Akta Dadah Merbahaya 1952 [Akta 234].

Kehendak keselamatan

24. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) termometer dipasang di sauna atau kawasan bersuhu tinggi yang lain dan suhu dipantau secara kerap; dan

(b) pelanggan di dalam sauna atau kawasan bersuhu tinggi yang lain dipantau secara kerap.

(2) Pemegang lesen tidak boleh membenarkan mana-mana wanita hamil, orang yang berada di bawah pengaruh dadah dan orang yang menghidap penyakit kronik untuk memasuki sauna atau kawasan bersuhu tinggi yang lain.

Manual rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan

25. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan suatu manual rawatan dan pada setiap masa mempamerkan manual rawatan itu di ruang sambut tetamu di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan.

(2) Manual rawatan itu hendaklah mengandungi—

(a) jenis rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan yang disediakan di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan itu;

(b) produk yang digunakan dalam rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan itu;

(c) kaedah rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan; dan

(d) apa-apa maklumat lain yang ditentukan oleh Majlis.

Papan tanda

26. Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan papan tanda di tempat yang mudah dilihat di sebelah luar pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan yang menunjukkan dengan jelas nama pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan itu dan nombor rujukan lesen.

Rawatan dan bayaran rawatan hendaklah dipamerkan

27. Pemegang lesen hendaklah memastikan rawatan dan bayaran rawatan dipamerkan dengan jelas di dalam pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan bagi mengelakkan kekeliruan kepada pelanggan.

Bilik rawatan

28. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan bilik dengan keluasan lantai minimum enam meter persegi bagi maksud menjalankan rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pintu bilik yang digunakan bagi rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan tidak dikunci sewaktu rawatan sedang dijalankan.

(3) Pemegang lesen hendaklah memastikan pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan menyediakan ruang rawatan berasingan untuk pelanggan lelaki dan perempuan.

(b) pelanggan di dalam sauna atau kawasan bersuhu tinggi yang lain dipantau secara kerap.

(2) Pemegang lesen tidak boleh membenarkan mana-mana wanita hamil, orang yang berada di bawah pengaruh dadah dan orang yang menghidap penyakit kronik untuk memasuki sauna atau kawasan bersuhu tinggi yang lain.

Manual rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan

25. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan suatu manual rawatan dan pada setiap masa mempamerkan manual rawatan itu di ruang sambut tetamu di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan.

(2) Manual rawatan itu hendaklah mengandungi—

(a) jenis rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan yang disediakan di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan itu;

(b) produk yang digunakan dalam rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan itu;

(c) kaedah rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan; dan

(d) apa-apa maklumat lain yang ditentukan oleh Majlis.

Papan tanda

26. Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan papan tanda di tempat yang mudah dilihat di sebelah luar pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan yang menunjukkan dengan jelas nama pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan itu dan nombor rujukan lesen.

Rawatan dan bayaran rawatan hendaklah dipamerkan

27. Pemegang lesen hendaklah memastikan rawatan dan bayaran rawatan dipamerkan dengan jelas di dalam pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan bagi mengelakkan kekeliruan kepada pelanggan.

Bilik rawatan

28. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan bilik dengan keluasan lantai minimum enam meter persegi bagi maksud menjalankan rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pintu bilik yang digunakan bagi rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan tidak dikunci sewaktu rawatan sedang dijalankan.

(3) Pemegang lesen hendaklah memastikan pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan menyediakan ruang rawatan berasingan untuk pelanggan lelaki dan perempuan.

(4) Pemegang lesen tidak boleh menyekat keseluruhan atau membenarkan penyekatan keseluruhan tempat-tempat di bahagian yang diasingkan di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan yang digunakan untuk rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan.

(5) Pemegang lesen boleh, di tempat-tempat yang digunakan untuk mengurut atau rawatan yang disebut dalam perenggan (1), memasang langsir seperti yang ditentukan oleh Majlis untuk mengasingkan katil yang digunakan untuk mengurut atau merawat tetapi langsir itu tidak boleh melebihi dua meter tinggi dari lantai.

Pengudaraan dan pencahayaan

29. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) terdapat cahaya yang terang dan mencukupi di dalam keseluruhan premisnya;
- (b) terdapat pengudaraan yang mencukupi di dalam premis itu; dan
- (c) setiap tangga, laluan dan jalan keluar kecemasan yang menjadi sebahagian daripada premis itu mendapat pencahayaan yang mencukupi.

Peralatan mencegah kebakaran, tangga, jalan keluar dan pintu

30. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) terdapat peralatan memadam api yang mencukupi yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dipasang di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan dan berada dalam keadaan yang boleh digunakan;
- (b) tangga, laluan, anjung tangga dan pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan dijaga dengan baik seperti yang dikehendaki oleh Majlis; dan
- (c) semua tangga, laluan, anjung tangga, pelantar dan jalan keluar di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan itu bebas daripada halangan dan setiap pintu di dalam premis itu dibina dan dipasang supaya mudah dibuka pada setiap masa.

Tandas, bilik basuh, bilik air, dsb.

31. Majlis boleh menghendaki pemegang lesen—

- (a) untuk menyediakan dan menyenggara dalam keadaan yang baik bilangan bilik mandi, tandas, bilik basuh, tempat buang air kecil, sinki, besen basuh dan tempat mencuci pinggan mangkuk yang mencukupi di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan;

- (b) untuk menyediakan pencahayaan dan peredaran udara yang mencukupi di setiap bilik mandi, tandas, bilik basuh dan tempat membuang air kecil di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan; dan
- (c) untuk memastikan bahawa tandas di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan dibuka untuk kegunaan semasa waktu perniagaan.

Bekalan air

32. Bekalan air di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan hendaklah disambungkan terus kepada sistem bekalan air awam.

Keperluan kebersihan

33. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan mematuhi semua kehendak kebersihan seperti yang diarahkan oleh Majlis.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa peralatan yang digunakan bagi rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan disteril sebelum ia digunakan ke atas pelanggan.

(3) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa terdapat pencahayaan yang mencukupi di dalam pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan dengan mematuhi piawaian yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan memastikan pengudaraan yang mencukupi di dalam pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan.

Penyimpanan

34. Majlis menghendaki pemegang lesen menyimpan apa-apa bahan yang digunakan di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan dalam tempat yang bersesuaian untuk mengelakkan pelepasan dan kesan bahaya.

Pembuangan sampah

35. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) tong sampah yang mencukupi disediakan seperti yang ditetapkan oleh Majlis;
- (b) semua sampah dimasukkan ke dalam beg plastik atau apa-apa bekas lain yang bersesuaian sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah; dan
- (c) semua sampah dibuang dengan cara yang telah ditetapkan oleh apa-apa peraturan berkaitan pembuangan sampah.

Pencegahan kebakaran

36. Pemegang lesen hendaklah—

- (a) menyediakan kelengkapan pencegahan kebakaran yang mencukupi di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan;
- (b) memastikan bahawa kelengkapan pencegahan kebakaran di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan itu berfungsi dengan baik;
- (c) memastikan semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan itu disediakan, disenggara dan berfungsi dengan baik; dan
- (d) memastikan bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan itu bebas daripada apa-apa halangan dan boleh diakses dengan mudah.

Bahan mudah bakar

37. (1) Majlis boleh menghendaki pemegang lesen untuk menyimpan apa-apa bahan atau larutan yang mudah bakar di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan itu dalam bekas yang bersesuaian yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

(2) Jika bahan atau larutan itu mempunyai takat kilat di bawah 23 darjah *centigrade* dan disimpan dalam kuantiti yang melebihi 45 liter, suatu stor yang tidak mudah bakar hendaklah dibina mengikut kehendak Majlis dan pihak berkuasa yang berkenaan.

Penyebaran habuk, dsb.

38. Pemegang lesen tidak boleh menyebarkan atau menyebabkan tersebar apa-apa habuk, asap, wap, haba gas, getaran atau jelaga daripada pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan itu yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada orang awam atau pencemaran udara.

Bunyi bising

39. Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan supaya dibuat apa-apa bunyi bising yang menjadi kacau ganggu kepada orang awam semasa mengendalikan pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan itu.

Penyenggaraan dan pembaikan am

40. (1) Semua peralatan mekanikal dan elektrik yang digunakan di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan hendaklah sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

(2) Semua halaman, kawasan, bahagian hadapan dan kawasan lapang yang menjadi sebahagian daripada suatu pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan hendaklah dijaga bersih dan bebas dari longgokan kotoran dan sampah sarap lain.

(3) Semua lekapan dan pemasangan dalam pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan hendaklah sentiasa dijaga dan disenggara pada setiap masa.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk masuk dan memeriksa

41. (1) Majlis, atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh, dengan tujuan untuk menentukan sama ada sesuatu premis itu mempunyai lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini atau syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

- (a) memasuki mana-mana pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan; dan
- (b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan itu.

(2) Pemegang lesen atau mana-mana orang yang menjaga suatu pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan hendaklah memberi sepenuh kerjasama kepada Majlis, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor setelah ditunjukkan dengan apa-apa dokumen pengenalan diri, untuk masuk dan memeriksa premis tersebut.

(3) Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi perenggan (2) atau menghalang Majlis, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor adalah melakukan satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kuasa menangkap

42. (1) Majlis, atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

- (a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau
- (b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

Pemeriksaan orang perempuan

43. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 41 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Pendakwaan

44. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini tanpa izin bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

45. (1) Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang boleh dikompaun yang dilakukan di bawah Undang-undang Kecil ini dengan membuat tawaran bertulis kepada mana-mana orang tersebut untuk mengkompaun kesalahan itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan tersebut terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pihak berkuasa tempatan.

Penalti

46. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara

tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi mana-mana kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Pembatalan dan peruntukan peralihan

47. (1) Undang-Undang Kecil berikut adalah dibatalkan:

- (a) Undang-Undang Kecil Kedai Gunting dan Pendandan Rambut (Majlis Perbandaran Kota Setar) 1989;
- (b) Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (Majlis Daerah Langkawi) 1992;
- (c) Undang-Undang Kecil Kedai Gunting dan Pendandan Rambut (Majlis Daerah Kulim) 1994;
- (d) Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (Majlis Perbandaran Sungai Petani) 1995;
- (e) Undang-Undang Kecil Rumah Urut (Majlis Perbandaran Kota Setar) 1991;
- (f) Undang-Undang Kecil Rumah Urut (Majlis Daerah Yan) 1991;
- (g) Undang-Undang Kecil Rumah Urut (Majlis Daerah Pendang) 1991;
- (h) Undang-Undang Kecil Rumah Urut (Majlis Daerah Langkawi) 1991;
- (i) Undang-Undang Kecil Rumah Urut (Majlis Daerah Bandar Baharu) 1991;
- (j) Undang-Undang Kecil Rumah Urut (Majlis Daerah Kubang Pasu) 1991;
- (k) Undang-Undang Kecil Rumah Urut (Majlis Daerah Kuala Muda) 1991;
- (l) Undang-Undang Kecil Rumah Urut (Majlis Daerah Kulim) 1991; dan
- (m) Undang-Undang Kecil Rumah Urut (Majlis Daerah Baling) 1991.

(2) Apa-apa notis, perintah, tawaran untuk mengkompaun dan lesen yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan telah diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[perenggan 4(3), 7(1), 11(2) dan 17]

FI PEMROSESAN LESEN

Senarai pemrosesan lesen	Kadar fi bagi Majlis		
	Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah/ Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim
(a) Borang	RM10.00	RM10.00	RM10.00
(b) Fi pemrosesan pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan	RM100.00	RM100.00	RM100.00
(c) Fi pembaharuan lesen	RM50.00	RM50.00	RM50.00
(d) Fi lesen gantian	RM100.00	RM100.00	RM100.00

JADUAL KEDUA

[perenggan 4(4)(a)]

FI LESEN PREMIS

Pusat Kecantikan

Keluasan lantai	Kadar fi setahun bagi Majlis			
	Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah	Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim
(a) 0 hingga 60 meter persegi	RM500.00	RM300.00	RM200.00	RM500.00
(b) 61 hingga 100 meter persegi	RM800.00	RM400.00	RM300.00	RM800.00
(c) 101 hingga 200 meter persegi	RM1200.00	RM500.00	RM400.00	RM1200.00
(d) 201 hingga 300 meter persegi	RM2000.00	RM2000.00	RM2000.00	RM2000.00
(e) tambahan bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagiannya	RM200.00	RM200.00	RM200.00	RM200.00

Jenis Rawatan

- (a) Sauna/spa dan jakuzzi
- (b) Rawatan muka
- (c) Merias kuku tangan dan kaki

- (d) Menanggalkan bulu badan
- (e) Dandan rambut
- (f) Mencacah
- (g) Solekan dan/atau andaman
- (h) Melangsingkan badan
- (i) Mandi herba, susu atau bunga
- (j) Lulur
- (k) Lain-lain rawatan kecantikan yang dibenarkan oleh Majlis

JADUAL KETIGA

[perenggan 4(4)(a)]

FI LESEN PREMIS

Pusat Penjagaan Kesihatan

Keluasan lantai	Kadar fi setahun bagi Majlis		
	Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah/ Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim
Bagi setiap 10 meter persegi atau sebahagiannya	RM100.00	RM100.00	RM100.00

Jenis Rawatan


- (1) Urutan
 - (a) Urutan tradisional
 - (b) Urutan orang kurang upaya
 - (c) Refleksologi
 - (d) Aromaterapi
 - (e) Urutan moden yang menggunakan sebarang alat
 - (f) Fisioterapi
- (2) Akupunktur/bekam
- (3) Aerobik/pusat kecergasan/gimnasium

- (4) Pusat meditasi
- (5) Rawatan Kerohanian/Spiritual
- (6) Lain-lain rawatan kesihatan yang dibenarkan oleh Majlis


Diperbuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Kedah seperti berikut:



.....
Dato' Haji Mohd Zohdi bin Saad
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Alor Setar



.....
Haji Nojizan bin Khazali
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sungai Petani




.....
Haji Rohaizad bin Rashid
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim



.....
Abdul Bari bin Abdullah
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi



.....
Mohd Fisol bin Md Noh
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kubang Pasu



.....
Datuk Haji Md Shuhaimie bin
Abdul Rahman
Yang Dipertua
Majlis Daerah Baling



.....
Haji Mohd Yusri bin Hj. Md Daud
Yang Dipertua
Majlis Daerah Yan



.....
Zaid bin Ahmad
Yang Dipertua
Majlis Daerah Pendang



.....
Dato' Haji Bukhari bin Abdullah
Yang Dipertua
Majlis Daerah Sik



.....
Haji Fathullah Suhaimi bin
Haji Ismail
Yang Dipertua
Majlis Daerah Padang Terap



.....
Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa
Yang Dipertua
Majlis Daerah Bandar Baharu



.....
Haji Syed Khairol Anuar bin
Syed Abidin
Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan
Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim

Disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman pada
6 Mac 2019.

[PSU(K) 98/1396 Jld. 23(3)]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Kedah Darul Aman